

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 18 JULAI 2005, PUKUL 10.00 PAGI

BIL 13

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 50-100448
Dato' Hamzah bin Zainudin minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan di dalam memajukan industri pertanian negara sebagai satu teras baru ekonomi Malaysia, terutama di dalam memperkukuhkan agensi-agensi perladangan seperti Felda, Felcra dan Risda ke arah memantapkan pengeluaran tanaman secara berkelompok.
2. 48-100123
Dato' Dr. Chin Fook Weng minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa Kerajaan tidak mengagihkan peruntukan kewangan kepada negeri-negeri mengikut satu rumusan yang mengambil kira amaun sumbangan kepada tabung cukai disatukan oleh setiap negeri atau satu rumusan yang dipersetujui selepas perundingan bersama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri.
3. 74-100125
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan susulan yang diadakan untuk menjayakan 125 syor laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan PDRM.
4. 73-100337
Dr. Raja Ram a/l Nadayson minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai kriteria penawaran biasiswa JPA kepada pelajar-pelajar yang memperoleh kelulusan yang cemerlang dalam SPM dan STPM. Selain itu, apakah nasib pelajar-pelajar yang berkelayakan tetapi gagal memperoleh biasiswa disebabkan oleh masalah kekurangan tempat.
5. 17-100155
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tindakan-tindakan susulan ke atas 215 projek dan 10 projek utama yang bermasalah yang dimaklumkan pada Mei 2005 di Dewan Negara.

6. 60-100295
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hasil siasatan mengenai kegiatan manipulasi di pasaran saham yang menyebabkan beberapa saham terutama kaunter spekulatif dan sederhana serta murah dihentam teruk termasuk susut hingga paras dibenarkan pada bulan Mei 2005 lalu. Apakah tindakan sudah diambil kepada pihak yang tidak bertanggungjawab.
7. 70-100018
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah Kerajaan ada cadangan lain selain daripada cadangan supaya pemegang 'Approved Permits' (AP) hanya dibenarkan mengimport kereta dengan enjin kapasiti lebih besar berbanding Proton yang akan menjejaskan perniagaan pengedar kereta asing.
8. 20-100059
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan penagih HIV/Aids sejak tahun 2001 hingga Mei 2005 dan apakah rasionalnya cadangan penagih-penagih ini diberi kondom dan jarum suntikan secara percuma.
9. 56-100458
Dato' Rhina Bhar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah tindakan diambil untuk membatalkan undang-undang yang "outdated" termasuk undang-undang yang mendiskriminasikan wanita.
10. 68-100016
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah reaksi negara-negara Islam dan bukan Islam tentang pembawaan pendekatan Islam Hadhari oleh YAB. Perdana Menteri Malaysia dalam lawatan-lawatan beliau ke luar negara.
11. 49-100388
Dato' Omar bin Faudzar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kesan terhadap ekonomi negara sekiranya Kerajaan melupuskan subsidi petrol dan bagaimanakah Kerajaan dapat mengurangkan kadar inflasi yang berlaku akibat kenaikan harga petrol.
12. 38-100239
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah pihak Kementerian menyediakan garis panduan kepada guru-guru disiplin dan warden-warden asrama sekolah di negara ini untuk dijadikan panduan bagi membendung kejadian negatif yang sering berlaku di sekolah-sekolah pada masa ini.

13. 46-100019
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh mana penggunaan NGV setakat ini dan mengapakah tidak banyak stesen petrol yang membekalkannya. Adakah Kerajaan berhasrat untuk memperluaskan penggunaannya yang kini hanya terhad kepada teksi sahaja kepada kereta persendirian memandangkan kosnya yang jauh lebih murah berbanding dengan petrol.
14. 4-100418
Datin Paduka Jaya Partiban minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa pemegang akaun apabila mengeluarkan wang simpanannya sendiri dari cawangan bank yang sama dengan ceknya sendiri dikenakan RM5.00 walaupun semua urusan adalah "online".
15. 61-100346
Datuk Jins Shamsudin minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan sedar filem-filem yang telah diharamkan oleh Lembaga Penapis Filem Negara (LPF) dan Lembaga Rayuan tetapi telah ditayangkan di salah sebuah stesyen tv kita dan dijual di pasaran. Jika sedar apakah tindakan Kerajaan.
16. 66-100274
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah mutu perubatan yang diberikan oleh para doktor dan doktor pakar di hospital swasta di negara ini dan adakah pihak Kementerian membuat pemantauan terhadap hospital-hospital tersebut.
17. 47-100110
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kejayaan dalam bio-teknologi berasaskan kelapa sawit yang telah berjaya dipasarkan serta yang telah dipatenkan.
18. 27-100141
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilakah Kementerian akan mendirikan rumah atau bangunan yang khusus untuk aktiviti pembangunan wanita (MPWK) seperti yang pernah dirancang beberapa tahun dahulu.
19. 75-100353
Datuk Yaakob Bin Haji Mohammad minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah konsep "Asia Baru" yang telah diutarakan oleh Perdana Menteri boleh merealisasikan rantau ini sebagai satu kawasan pelaburan utama dunia dan apakah masalah dan strategi yang akan diambil bagi menjadikan idea bernas ini satu realiti.

20. 8-100464
Tuan Saravanan a/l Murugan minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan Kementerian di dalam memastikan projek-projek perumahan yang dikendalikan oleh pemaju dapat disiapkan dalam tempoh yang diberikan dan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam memastikan yang masalah rumah terbengkalai tidak akan berlaku lagi pada masa hadapan.
21. 42-100137
Tuan Tan Cheng Tee minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah tindakan tidak diambil terhadap pemandu-pemandu kenderaan perdagangan yang memandu di lorong laju di jalan dua atau tiga lorong kerana perbuatan mereka boleh menyebabkan kesesakan dan kemalangan jalan raya.
22. 58-100296
Datuk Hajah Dayang Mahani Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil terhadap penjenayah kes-kes rogol dan pembunuhan yang difahamkan jumlah kes seumpama ini semakin meningkat sejak kebelakangan ini. Nyatakan jumlah kes tersebut sejak 2002-2005.
23. 54-100089
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bilangan bekas penagih dadah dari Sarawak yang telah pulih sepenuhnya serta berjaya mendapat pekerjaan dan diterima balik ke pangkuan masyarakat dan sama ada Kementerian ada program bagi membantu mereka-mereka yang menghadapi kesukaran untuk mendapat pekerjaan setelah pulih.
24. 9-100390
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah program-program khusus yang dilaksanakan oleh Kementerian sekarang untuk meningkatkan taraf ekonomi para petani, pekebun kecil dan nelayan dan sejauh manakah keberkesanan program-program tersebut.
25. 60-100309
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah meningkatnya kecurian beg penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan adakah mereka yang terlibat berjaya dikesan oleh pihak berkuasa.

26. 68-100012
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah wujud perbezaan kadar faedah di antara pembelian kereta baru dan kereta terpakai.
27. 43-100005
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah relevan bagi peserta Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) menerima latihan menggunakan senjata api dan apakah pro dan kontranya.
28. 53-100322
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk sentiasa memantau dan mengekalkan daya saing (Competative Edge) di kalangan negara-negara ASEAN agar Malaysia sentiasa menjadi pilihan utama pelabur-pelabur asing.
29. 29-100409
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berapa banyak sukarelawan yang telah diwujudkan oleh Kementerian dan apakah keberkesanan perwujudan ini kerana mereka tidak diberi kuasa bagi membantu pegawai penguat kuasa.
30. 62-100439
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tentang rancangan Kementerian untuk memajukan sukan kapal layar di negara ini. Adakah negara kita boleh seiring dengan Australia dalam menghasilkan lebih ramai jaguh kapal layar di peringkat dunia seandainya negara melalui Kementerian mempunyai perancangan tertentu yang baik.
31. 39-100157
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan tindakan yang telah diambil bagi membasmi gejala samseng dan sosial di sekolah kerana kegagalan menangani masalah ini akan memberi kesan negatif terhadap pembangunan masyarakat. Oleh itu adalah perlu masalah ini difokuskan di peringkat akar umbi terutamanya di sekolah dan di rumah.
32. 22-100185
Dato' Dr. Vijyaratnam a/l Seevaratnam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan yang sedang diambil terhadap pengusaha-pengusaha kedai kosmetik dan kecantikan yang menawarkan khidmat membuat rawatan suntikan yang tidak dibenarkan oleh undang-undang dan juga ubat serta krim yang boleh mereka perolehi dengan kebenaran doktor-doktor berdaftar sahaja.

33. 45-100178
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah penutupan 123 kolej swasta dan 600 pusat latihan vokasional bertauliah milik bumiputera.
34. 70-100029
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kementerian bercadang memperlengkapkan PDRM dengan peralatan serta teknologi terbaru kerana komputer yang digunakan hari ini sudah lapuk dan 90 peratus komputer di bahagian trafik berusia lebih 10 tahun.
35. 15-100453
Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajjah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan Malaysia terhadap persepsi negatif yang kini digemburkan oleh pihak-pihak tertentu di Indonesia yang mengapi-apikan kebencian di kalangan rakyatnya terhadap Kerajaan dan rakyat Malaysia sehingga menyebabkan ramai dari kalangan mereka yang ingin mencari pekerjaan di Malaysia membatalkan hasrat mereka dan bersikap prejudis terhadap negara kita.
36. 7-100247
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kelulusan minima yang perlu untuk mendapatkan surat kebenaran dari Kementerian bagi melanjutkan pelajaran perubatan di universiti-universiti luar negara.
37. 6.17-100156
Tuan Lee Sing Chooi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian selepas Akta Penguat kuasa Maritim Malaysia 2004 diluluskan dan dalam perancangan Kementerian, bilakah agensi ini dapat berfungsi dengan sepenuhnya untuk mencapai tujuan yang dimaksudkan.
38. 45-100171
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan kepada kakitangan Kerajaan untuk tujuan pinjaman perumahan antara 2000 hingga 2004 dan berapakah jumlah kakitangan yang terbabit.
39. 53-100331
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah bilangan doktor yang kini berkhidmat dengan Kerajaan. Nyatakan nisbah doktor kepada pesakit mengikut bandar dan luar bandar dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian agar pesakit-pesakit tidak perlu lama menunggu bagi mendapatkan rawatan.

40. 45-100188
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah pelajar mengikut bidang tertentu yang mengikuti kursus kemahiran belia di IKBN/IKTBN antara tahun 1997 hingga 2003 yang telah berjaya dalam bidang masing-masing.
41. 46-100032
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pelajar perubatan yang ditaja oleh Kerajaan di Ukraine dan Rusia serta nama-nama universiti tersebut. Adakah Kerajaan telah memastikan pelajar tajaannya dihantar ke universiti yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
42. 23-100218
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan rancangan Kerajaan bagi menangani masalah peningkatan penagih dadah yang mendadak dalam negara kita iaitu 31,893 penagih pada tahun 2002, 36,996 penagih bagi tahun 2003 dan 38,672 penagih bagi tahun 2004.
43. 40-100243
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah alternatif lain yang dirancang oleh Kementerian untuk menampung kos pengajian pelajar dalam bidang lain kerana memandangkan perancangan pemberian PTPTN hanya kepada bidang-bidang yang kritikal sahaja seperti perubatan, pergigian, farmasi, akaun dan kejuruteraan dan ICT.
44. 37-100288
Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah pembinaan Lebuhraya Pantai Timur bagi menyambungkan Kuantan-Kuala Terengganu di jangka siap sepenuhnya.
45. 41-100211
Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan:-
- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menjaga keselamatan bilik rekod yang menyimpan data-data penting; dan
 - (b) berkenaan dengan kebakaran bilik rekod di JAS Johor dan apakah tindakan yang lebih berkesan untuk menjaga keselamatan bilik rekod ini.

46. 9-100383
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan subsidi produk petroleum yang berjumlah RM16 bilion setahun secara berperingkat sebagai langkah untuk meringankan beban perbelanjaan Kerajaan dan apakah kesan terhadap daya saing eksport negara.
47. 67-100313
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rumusan yang digunakan oleh Kerajaan di dalam menetapkan dasar ekonomi dan kewangan negara masa kini, terutama di dalam menghadapi kemelut ekonomi tidak stabil Eropah dan Amerika Syarikat seraya dengan itu juga di dalam tatacara hubungan ekonomi negara dengan gergasi ekonomi dunia baru China dan bagaimanakah ianya dapat digunakan untuk menguntungkan rakyat dan negara ini.
48. 69-100340
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah setiap IPTS yang beroperasi dikehendaki mendaftar dengan Kementerian, tetapi bagaimana pula dari segi pengiktirafan sijil, diploma atau ijazah yang dikeluarkan oleh IPTS ini.
49. 46-100041
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:-
- (a) jumlah wanita di peringkat pembuat keputusan dalam negara dan apakah pencapaian ini setara dengan negara-negara lain; dan
 - (b) adakah Kementerian berpuas hati dengan pencapaian tersebut serta langkah-langkah yang akan diambil bagi meningkatkan bilangan wanita di peringkat pembuat keputusan.
50. 54-100097
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan peratusan siapnya kerja-kerja pengubahsuaian Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dan jika kerja-kerja tersebut mengikut jadual yang telah ditetapkan.
51. 43-100001
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan Jemaah Nazir Sekolah (JNS) dalam usahanya melakukan penerangan sendiri kepada semua sekolah dengan menggunakan Standard Kualiti Pelajaran Malaysia sebagai instrumen pemastian standard (IPS) ke arah menjadikan pendidikan negara bertaraf dunia.

52. 25-100233
Puan Ooi Siew Kim minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah dasar pengambilan pekerja asing negara ini senantiasa berubah-ubah sehingga pegawai imigresen dan orang awam begitu was-was tentang dasar ini. Adakah Kerajaan mengambil langkah-langkah keselamatan tertentu untuk menapis pekerja asing terutama dari Pakistan.
53. 75-100371
Datuk Yaakob Bin Haji Mohammad minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah laporan kehilangan pemilik pasport antarabangsa dan pemilik kad pengenalan mengikut kaum serta jumlah tangkapan di atas penggunaan pasport palsu dan kad pengenalan palsu yang telah dikesan antara tahun 2000 hingga Mei 2005 dan apakah strategi yang telah diambil bagi mengatasi masalah tersebut. .
54. 21-100148
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan memandangkan penjara-penjara di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau sudah terlalu sesak, adakah pihak kementerian mempunyai rancangan untuk membina penjara-penjara baru di Sabah dan menempatkan semula Penjara Kepayan di Kota Kinabalu yang terletak di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi.
55. 71-100298
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan projek-projek yang telah diperuntukkan di bawah RMK-9 pada tahun ini selaras dengan usaha untuk menyemarakkan lagi aktiviti dan pertumbuhan ekonomi negara terutama di dalam sektor pembinaan dan pertanian.
56. 39-100158
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan bagi menangani masalah inflasi dan bilakah jangka masa inflasi dapat dibendung supaya bebanan rakyat dapat dikurangkan.
57. 20-100065
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah hasil lawatan pegawai Kementerian ke New Zealand semasa pertemuan dengan kaum 'Maori' dari segi pendidikan, sosial, ekonomi dan hak pemilikan tanah yang boleh diadaptasikan dalam pembangunan orang asli di Malaysia.

58. 60-100285
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-
- (a) apakah syarat pengambilan pelatih Skim Siswazah Menganggur sejak ianya dimulakan pada bulan Jun 2005; dan
 - (b) berapakah jumlah elaun yang akan diberikan kepada setiap pelatih serta tindakan selanjutnya selepas mereka menamatkan latihan.
59. 18-100079
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi memastikan kawalan keselamatan yang lebih telus di semua hospital Kerajaan bagi memastikan kes-kes penculikan bayi tidak terus berulang di masa depan.
60. 62-100433
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah rutin pihak Kerajaan untuk memantau serta menguatkuasakan kenaikan harga-harga barangan yang sering naik dengan kenaikan harga minyak petrol dan diesel seperti mana harga barangan di pasar dan juga kedai-kedai runcit.
61. 29-100403
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa bayaran yang dikenakan oleh agensi pekerja asing bagi mendapatkan seorang pembantu rumah bukan sahaja mahal tetapi bayaran yang dikenakan juga tidak menentu. Adakah Kementerian bercadang untuk menyelaraskan bayaran tersebut.
62. 42-100135
Tuan Tan Cheng Tee minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berhubung dengan pemberian jarum percuma:-
- (a) siapa yang layak mendapat jarum suntikan dan kondom percuma ini dan pihak berkuasa yang mana yang menentukan siapa yang layak untuk menerima barang-barang itu; dan
 - (b) di mana barang-barang itu akan diedarkan dan adakah catatan dibuat seperti jumlah yang diterima dan sebagainya.

63. 62-100427
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengenai pembinaan Bangunan Perkeso Negeri-negeri seperti yang telah diumumkan tahun lalu sebanyak 10 buah. Bilakah bangunan ini akan dibina dan dijangka siap. Apakah masalah yang timbul hingga menyebabkan bangunan berkenaan masih belum dibina.
64. 29-100415
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilakah pembinaan kolej komuniti bagi setiap kawasan parlimen akan dilaksanakan dan berapakah peruntukan pembinaan tersebut dalam Rancangan Malaysia Ke-9.
65. 74-100124
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah syarat baru yang dikenakan bagi mengelakkan pemegang kad kredit menjadi mufliis akibat masalah hutang.
66. 65-100047
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapakah kos kerja yang sekarang sedang dilakukan oleh Syarikat Inai Kiara di Muara Sungai Kuala Terengganu, dan adakah syarikat yang sama akan diberikan tawaran melaksanakan kerja seluruhnya dan berapakah kos kesemuanya.
67. 47-100106
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-
- (a) adakah terdapat kajian-kajian tempatan yang telah dibuat bagi menyokong hasrat Kerajaan untuk membekalkan jarum suntikan, kondom dan metadon kepada penagih-penagih dadah dan negara-negara lain yang mengambil langkah sedemikian; dan
 - (b) profile penagih dadah yang dibekalkan jarum suntikan, kondom dan metadon serta jangkaan tahap keberkesanan program tersebut.
68. 51-100273
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah benar terdapat fail atau rekod peminjam PTPTN hilang, dan jika benar, nyatakan bilangan fail atau rekod yang hilang.

69. 52-100470 /
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah orang awam boleh mengetahui kursus-kursus yang ditawarkan oleh Institut Pengajian Tinggi Swasta mempunyai kelulusan oleh Lembaga Akreditasi Negara (LAN) begitu juga dengan lesen operasi.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|------------------|---|-------------------------------|
| 1. | * (D.R. 8/2005) | Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2005 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 2. | * (D.R. 10/2005) | Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) (Pindaan) 2005 | “ |
| 3. | * (D.R. 11/2005) | Rang Undang-undang Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi (Pindaan) 2005 | “ |
| 4. | * (D.R.9/2005) | Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2005 | “ |
| 5. | * (D.R. 13/2005) | Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) 2005 | “ |
| 6. | * (D.R. 12/2005) | Rang Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005 | “ |

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

7. 20-100074

Tuan Osman bin Bungsu akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil perhatian yang amat serius terhadap pencapaian pelajar-pelajar orang asli di dalam peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM yang dikatakan amat rendah status pencapaiannya berbanding dengan pelajar-pelajar bumiputera yang lain. Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah segera untuk meningkatkan minat dan pencapaian pelajar berkenaan.

8. 22-100206

Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum negara Myanmar akan menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2006;

Mengambil maklum kepimpinan Myanmar masih belum mengembalikan sistem demokrasi di negaranya seperti yang digalakkan oleh ASEAN dan komuniti dunia;

Mengambil maklum bahawa pemimpin yang dipilih oleh rakyat, Daw Aung San Suu Kyi masih di bawah tahanan di rumah (house arrest);

Maka Dewan ini mengambil keputusan bahawa Myanmar tidak dibenarkan memegang jawatan pengerusi ASEAN sehingga Daw Aung San Suu Kyi dan semua yang dianggap tahanan politik dibebaskan, dan kepimpinan negara tersebut benar-benar membuka ruang untuk pemulihan demokrasi di Myanmar."

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN</u> <u>2004</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.175	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Pelajaran Pertubuhan Peladang MADA (YAYASAN) Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit).	18 Julai 2005
ST. 181	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	18 Julai 2005
<u>TAHUN</u> <u>2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.30	Annual Report 2004 Human Rights Commission of Malaysia.	18 Julai 2005
ST.74	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tembakau Negara (LTN) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	18 Julai 2005
ST.75	Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Mengenai Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri bagi Negeri Sarawak; Jilid I – Syor; Jilid II – Peta.	18 Julai 2005
ST.76	Draf Perintah Bagi Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya) (Negeri Sarawak) 2005.	18 Julai 2005
ST.79	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman (Telah Diaudit) Bagi Tahun 2003.	18 Julai 2005

<u>TAHUN</u> <u>2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.95	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Bagi Tahun 2004.	18 Julai 2005
ST.116	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji Bagi Tahun 2004.	18 Julai 2005